

**Keuntungan Sebelum Cukai Suku Kedua Poh Kong Susut Akibat Turun Naik Harga Emas
Bernama
26 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Keuntungan sebelum cukai Poh Kong Holdings Bhd susut RM1.61 juta pada suku kedua berakhir 31 Jan, 2014 berbanding RM12.31 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.

"Penurunan jumlah keuntungan sebelum cukai ini disebabkan oleh turun naik harga emas yang menyebabkan margin keuntungan hasil emas sangat kecil," kata Poh Kong, pengeluar barang kemas terkemuka di Malaysia dalam maklumatnya kepada Bursa Malaysia pada Rabu.

Bagaimanapun, hasil meningkat kepada RM226.91 juta pada suku yang sama berbanding RM197.87 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas, didorong terutama oleh peningkatan permintaan ke atas produk emas dalam tempoh itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025143>